

Centre for Research on the Economics of Ageing

NEWSLETTER - ISSUE 1

JANUARY 2016



Keperluan Persaraan dan Penuaan

Dengan peningkatan jangka hayat serta kadar kelahiran yang rendah, Singapura mempunyai salah satu daripada populasi menua terpantas di dunia. Jumlah warga tua Singapura (berumur 65 tahun dan ke atas) dijangka meningkat tiga kali ganda ke 900,000 menjelang 2030. Nisbah semasa bagi penduduk usia kerja kepada penduduk warga tua adalah 6:1, dan nisbah ini dijangka akan turun kepada 2:1 menjelang 2030, dan seterusnya kepada 1.5:1 menjelang 2060. Sedang ramai antara kita menantikan waktu untuk menikmati persaraan, kewajipan kewangan dan keperluan persaraan diri jelas masih berada dalam pemikiran kita:

- **Adakah saya akan mampu menyara diri selepas ini?**
- **Adakah saya akan mampu menanggung kos perubatan yang diperlukan?**
- **Adakah rumah saya suatu pelaburan yang selamat, dan mampukah saya untuk terus tinggal di dalamnya?**

Keprihatinan kita mengenai penjagaan kesihatan, perumahan dan pendapatan persaraan berkait rapat. Kebanyakan daripada kita menggunakan simpanan CPF untuk perbelanjaan perumahan dan penjagaan kesihatan. Justeru, walaupun rakyat Singapura menunjukkan kadar pemilikan rumah yang tinggi (kira-kira 89%), kita mungkin akan mengalami masalah simpanan tidak mencukupi untuk persaraan, terutama sekali dengan perbelanjaan penjagaan kesihatan yang mungkin bertambah.

FAQ

Apakah tujuan dan matlamat Centre for Research on the Economics of Ageing (CREA)?

Tujuan Centre for Research on the Economics of Ageing (CREA) ditubuhkan adalah untuk mengetahui lebih lanjut mengenai situasi ini melalui kajian jangka panjang terhadap sekumpulan peserta yang dipilih khas dan mewakili populasi Singapura. Pada masa yang sama, kami juga akan menyemak rangka dasar-dasar Singapura dalam aspek kesihatan, perumahan dan CPF - kesannya terhadap kita dan bagaimana perubahan kepada dasar, terutamanya dasar baru, akan membawa kesan positif apabila kita bertambah tua.

Mengapakah soal selidik ini dikendalikan sebegini kerap dan apakah sebabnya anda menjawab soalan yang sama setiap bulan?
Soal selidik ini dijalankan setiap bulan, berbeza dengan kebanyakan soal selidik tahap nasional yang dijalankan dua tahun sekali. Kekerapan ini bermaksud tempoh ingatan yang lebih singkat serta tahap ketepatan laporan yang lebih tinggi. Tambahan lagi, langkah ini turut membolehkan pasukan kajian kami di CREA mengenal pasti

reaksi rakyat Singapura terhadap perubahan dalam keadaan mereka dan ini turut akan membolehkan kajian terhadap kesan-kesan akibat perubahan kepada dasar.

Dengan pemahaman yang diperoleh daripada maklumat bulanan yang merangkumi pendapatan, perbelanjaan, kesihatan, pekerjaan dan pilihan perumahan, hasil kajian ini akan memanfaatkan pengamal dasar, perangka dasar serta penyelidik dalam bidang penuaan, pada tahap kebangsaan mahupun antarabangsa.

Mengapakah penyertaan anda penting kepada soal selidik ini?

"Kami tidak akan dapat melakukannya tanpa penyertaan anda - peserta Singapore Life Panel® (SLP) kami"

Anda mungkin tertanya-tanya mengapa anda adalah sebahagian daripada panel ini dan mengapa jawapan anda dalam setiap satu daripada soal selidik ini adalah amat penting kepada kami. Sebagai peserta Singapore Life Panel® (SLP), yakini bahawa anda tidak dipilih secara sebarang. Kami memilih peserta kami berdasarkan parameter tertentu yang disediakan oleh Jabatan Statistik,



Singapura. Set data demografi ini mengklasifikasikan diri anda sebagai individu khas daripada kumpulan umur tertentu dan kini menetap di sebuah kawasan tertentu di Singapura.

Peserta SLP kami memainkan peranan yang penting dalam kajian soal selidik ini di CREA. Ini merupakan kali pertama soal selidik ini dijalankan secara besar-besaran dan pada kekerapan yang tinggi di Singapura. Input daripada anda akan meningkatkan kredibiliti serta kesahan dapatan ini sebagai mewakili pandangan daripada individu lain seperti anda dalam populasi kami. Ini akan membolehkan pasukan kajian kami untuk memperoleh gambaran yang tepat mengenai situasi rakyat Singapura yang semakin menua dan membolehkan kami menilai bagaimana isu kesihatan, perumahan dan CPF memberi kesan kepada kita, kini dan pada masa hadapan.

Penyertaan dalam kajian soal selidik ini adalah langkah yang baik untuk anda memberi sumbangan anda terhadap pemahaman kami mengenai kesemua isu yang sedang dihadapi rakyat.

Kerahsiaan & Kebebasan Peribadi Anda

Kami akan menggunakan maklumat yang diperoleh daripada anda secara selamat dan mematuhi akta Personal Data Protection 2012 (PDPA). Maklumat ini akan digunakan hanya untuk tujuan kajian dan dilaporkan dalam bentuk statistik. Anda tidak akan menerima sebarang mel sampah selepas berhubung dengan kami dan kami tidak akan memberikan butiran anda kepada organisasi lain untuk tujuan komersial.

Tarikh Soal Selidik

Soal selidik kami akan dijalankan setiap bulan pada tarikh-tarikh berikut:

- **Soal Selidik Januari:** 04 hingga 31 Januari 2016
- **Soal Selidik Februari:** 01 hingga 21 Februari 2016
- **Soal Selidik Mac:** 01 hingga 20 Mac 2016

Jika anda memerlukan sebarang bantuan untuk melengkapkan soal selidik kami, kami boleh bertemu dengan anda di perpustakaan awam atau di kelab rakyat untuk membantu anda melengkapkan soal selidik menggunakan tablet. Sesi tersebut biasanya dikendalikan pada minggu terakhir setiap gelombang soal selidik.

Hubungi Kami

Sekiranya anda telah mengubah alamat atau nombor telefon anda, memerlukan sebarang bantuan melengkapkan soal selidik, atau memiliki sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Pusat kami, **6808 7910** (9 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat) atau melalui e-mel di slp@smu.edu.sg. Kami mengalu-alukan maklum balas anda.